

9 Saya rasa banyak bantuan yang ada di luar sana tapi kami tak tahu. Saya hingga kini tidak tahu mengapa bantuan CDC yang saya pernah terima dihentikan. Ada kala saya malas nak fikirkan itu semua kerana saya lebih pentingkan keadaan anak-anak saya, termasuk anak bongsu saya.

– **Pekerja pembersihan sambilan, Cik Sariah Salim, 43 tahun.**



SAMBUT BAIK: Cik Sariah, bersama anak bongsunya, Jasmin Anisah Putri, berharap ada agensi yang dapat tampil dan memberitahunya tentang bantuan yang boleh beliau manfaatkan. – **Foto TUKIMAN WARJI**

Ibu enam anak alu-alukan pengagihan bantuan tambahan

SEJAK kematian suami, Cik Sariah Salim terpaksa bertungkus lumus membesarkan enam orang anaknya seorang diri. Bagai jatuh diimpit tangga, keadaan anak bongsunya yang mengalami penyakit jantung bocor atau jantung koyak bertambah rumit pada Ogos tahun lalu dan Cik Sariah terpaksa berhenti bekerja secara tetap.

Kini anaknya sulungnya terpaksa mengambil alih tugasnya sebagai pencari nafkah utama keluarganya dengan bekerja di restoran makanan segera McDonald's.

Oleh itu, Cik Sariah amat mengalu-alukan pengumuman bantuan tambahan khusus kepada keluarga berpendapatan rendah semasa ucapan belanjawan semalam.

Malah, beliau mengusulkan agar ada yang tampil untuk menyampaikan bantuan-bantuan tersebut kepada mereka yang kurang peka dan berpendidikan seperti beliau.

“Saya rasa banyak bantuan yang ada di luar sana tapi kami tak tahu. Saya hingga kini tidak tahu mengapa bantu-

an CDC (Majlis Pembangunan Masyarakat) yang saya pernah terima dihentikan.

“Ada kala saya malas nak fikirkan itu semua kerana saya lebih pentingkan keadaan anak-anak saya, termasuk anak bongsu saya,w” kata Cik Sariah, 43 tahun.

Kesemua anaknya yang berusia antara 19 dengan tujuh tahun – kecuali yang sulung – masih bersekolah di Institut Pendidikan Teknikal (ITE) atau sekolah menengah dan rendah.

Ternyata, keprihatinan Cik Sariah dijangka dapat ditangani tidak lama lagi.

Ini kerana Pemerintah akan menubuhkan 20 Pejabat Khidmat Sosial di beberapa estet perumahan yang akan menyediakan pegawai yang boleh menyampaikan bantuan-bantuan pemerintah dan masyarakat kepada yang memerlukan dengan lebih berkesan.

Buat masa ini, Cik Sariah dan keluarga hanya dibantu

menerusi Skim Keluarga Angkat dan Belia (AFYS) kelaan Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Selain itu, belanjawan tahun ini turut menawarkan bantuan tambahan dalam bentuk Baucar Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GSTV) – digandakan tahun ini.

Bagi keluarga Cik Sariah yang tinggal di dalam flat empat bilik, beliau layak menerima rebat U-Save sebanyak \$220 – sekali pada Julai 2013 dan sekali lagi pada Januari 2014.

Baki rebat yang tidak digunakan, bagi membayar bil elektrik dan bekalan air, boleh digunakan bagi melunaskan sebahagian bil bulan seterusnya.

Cik Sariah juga, sekiranya beliau mengisytiharkan gaji bulanannya, layak menerima komponen tunai GSTV sekitar \$500.

“Jika saya dapat wang itu, saya akan gunakan untuk beli barangan dapur,” kata Cik Sariah yang baru mula bekerja sebagai pekerja pembersihan secara sambilan.